

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan syor-syor yang dihasilkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara untuk menangani cabaran ekonomi dihadapi negara sekarang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi - *Economic Action Council* (EAC) pada 11 Mac 2020 sebagai badan tertinggi kepada Kerajaan bagi menangani isu-isu dan cabaran semasa ekonomi. EAC yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, juga memantau impak penularan wabak COVID-19 ke atas ekonomi serta merangka langkah-langkah yang bersesuaian untuk memulihkan dan merencanakan semula ekonomi negara.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak penubuhan EAC, sebanyak 24 mesyuarat telah diadakan dan 48 kertas telah dibentang dan dibincangkan. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah berkaitan langkah memulih sektor ekonomi yang terjejas akibat COVID-19 seperti sektor pelancongan, pembinaan, peruncitan, perumahan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), langkah meningkatkan kesejahteraan rakyat, mengurangkan kadar pengangguran dan *underemployment* melalui program *upskilling* dan *reskilling*, pemerksaan digitalisasi serta strategi meningkatkan pelaburan tempatan dan asing. Hasil Mesyuarat EAC juga telah diambil kira dalam penyediaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN TAMBAHAN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Prihatin atau KITA PRIHATIN.

3. Selaras dengan ciri EAC yang bersifat terbuka dan sentiasa mengambil kira pandangan semua pihak, sehingga kini Sekretariat EAC telah mengadakan 270 sesi libat urus dengan pemegang taruh dari semua pihak terlibat untuk mengenal pasti isu yang dihadapi serta membincang secara terperinci pendekatan yang bersesuaian bagi menangani isu semasa ekonomi dan isu struktural ke arah pembangunan mampan jangka panjang. Sesi libat urus ini melibatkan pelbagai pihak termasuk wakil kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun, dewan perniagaan tempatan dan asing, persatuan, badan profesional, badan bukan kerajaan

(NGO), ahli akademik serta pemain industri merentasi semua sektor seperti ekonomi digital, pendidikan, pelaburan, pembuatan, perusahaan kecil dan sederhana, pelancongan, pengangkutan dan kesihatan. Hasil perbincangan dan sesi libat urus ini diangkat kepada mesyuarat EAC untuk pertimbangan selanjutnya.

4. Beberapa keputusan utama yang dibuat oleh EAC dalam menangani cabaran semasa ekonomi dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri termasuk:

- i. Membenarkan hampir semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan beroperasi tertakluk kepada syarat dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bermula 4 Mei 2020 yang mana pada masa ini, aktiviti ekonomi telah menunjukkan pemulihan secara beransur-ansur;
- ii. Mengaktifkan semula Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang ditubuhkan pada tahun 2016 berkuat kuasa serta merta. Majlis ini ditubuhkan untuk menyelaraskan agenda perlindungan keselamatan sosial yang holistik dan bersepadu yang meliputi bantuan sosial, insurans sosial dan intervensi pasaran buruh dalam mendepani krisis COVID-19 dan juga untuk masa-masa seterusnya;
- iii. Mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang bertujuan menjadi platform tertinggi dalam usaha memperkasa pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera. Pewujudan MKB adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepatkan pemerikasaan ekonomi Bumiputera selaras dengan Wawasan kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) bagi memastikan pembangunan yang inklusif;
- iv. Mewujudkan inisiatif 'MalaysiaMudah' (#MyMudah) yang bermatlamat untuk membantu syarikat dan perniagaan dari dibebani peraturan tidak perlu dan kerenah birokrasi serta mengurangkan kos perniagaan selain merangsang pewujudan peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi;

- v. Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) menjadi badan penyelarasan tunggal (*single window*) di peringkat nasional ke atas semua inisiatif dan program yang berkaitan dengan *upskilling* dan *reskilling* bagi menangani masalah pengangguran akibat COVID-19;
- vi. Melaksana *National Technology & Innovation Sandbox* (NTIS) bagi mempercepatkan penerimaan, penciptaan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi di semua peringkat. *National Technology & Innovation Sanbox* (NTIS) telah dilancarkan pada 19 Ogos 2020; dan
- vii. Menubuh *One Stop Centre* di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)/ Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi mempercepatkan urusan kemasukan pelawat perniagaan antarabangsa yang telah beroperasi mulai 2 Oktober 2020.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan ekonomi kembali ke landasan dan mencatatkan pertumbuhan mampan dalam jangka masa panjang, Kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi sedang memuktamadkan pelan pemulihan ekonomi jangka panjang yang dijadual dikeluarkan pada bulan Disember 2020. Pelan ini menekankan aspek transformasi bagi menyesuaikan Malaysia dengan landskap baharu dalam dan luar negara pasca COVID-19 dengan 8 tema seperti berikut:

- i. Menerima Pakai Ekonomi Digital (*Embracing the Digital Economy*);
- ii. Menggalak Teknologi Terkini (*Promoting Advanced Technology*);
- iii. Menyedia Tenaga Kerja Masa Hadapan (*Preparing Future Workforce*);
- iv. Bersedia Menghadapi Perubahan Landskap Global (*Positioning for a Shifting Global Landscape*);

NO. SOALAN : 27

- v. Pembaharuan Institusi Awam dan Meningkatkan Kualiti Peraturan (*Reforming Public Institution & Enhancing Regulatory Quality*);
- vi. Komuniti Rentan dan Sektor Ketiga (*Vulnerable Communities & Third Sector*);
- vii. Meningkatkan Kemampanan (*Enhancing Sustainability*); dan
- viii. Pembaharuan dan Prestasi Korporat (*Corporate Reform and Performance*).

Sekian, terima kasih.